

## FATWA KETUJUH

### HUKUM ZAKAT TERHADAP FIRMA-FIRMA SYARIKAT KONSULTAN

#### KEPUTUSAN

Muzakarah Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-50 yang bersidang pada 10 Mei 2001 di Perlis telah membincangkan Hukum Zakat Terhadap Firma-Firma Syarikat Konsultan. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

Wajib zakat ke atas firma-firma dan syarikat konsultan, jika dimiliki bersama antara orang Islam dengan bukan Islam. Hak orang Islam sahaja yang kena zakat dan tidak ke atas milik bukan Islam.

#### LATAR BELAKANG

Isu yang dibangkitkan dalam masalah ini ialah berkaitan dengan mengenal pasti sama ada semua firma dan syarikat-syarikat konsultan wajib membayar zakat atau sebaliknya. Mengikut Kamus Dewan, konsultan bermaksud pakar runding, iaitu khidmat pakar runding bagi sesuatu projek yang akan dilaksanakan oleh sesuatu pihak.<sup>43</sup>

#### HUJAH DAN DALIL

Para ulama daripada kalangan sahabat, tabi'in dan para fuqaha telah bersepakat mengatakan bahawa pemilik-pemilik syarikat perniagaan dan perkhidmatan adalah wajib mengeluarkan zakat apabila mencukupi syarat-syaratnya. Pendapat tersebut berdasarkan firman Allah SWT :

---

<sup>43</sup> *Kamus Dewan*, Dewan Bahasa & Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur 1991, hlm.651

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنفِقُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا  
لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ .<sup>44</sup>

Maksudnya:

Wahai orang beriman hendaklah kamu membelanjakan harta kamu yang baik-baik iaitu hasil daripada apa yang kamu telah usahakan daripada harta-harta yang kami keluar untuk kamu dari bumi...

Para ulama mentafsirkan perkataan “*kasabtum*” dengan erti “berbagai usaha halal yang dilakukan oleh manusia” sama ada usaha perniagaan, perindustrian, pertanian dan sebagainya. Tidak kira usaha itu dilakukan secara perseorangan atau syarikat. Dalam satu hadis, Rasulullah SAW telah bersabda:

وَلَا يُجْمَعُ بَيْنَ مُتَفَرِّقٍ ، وَلَا يُفَرَّقُ بَيْنَ مُجْتَمِعٍ خَشْيَةَ الصَّدَقَةِ<sup>45</sup>

Maksudnya:

Tidak boleh dihimpun antara yang terpisah dan tidak boleh dipisahkan antara yang terhimpun kerana takut bersedekah (zakat)...

Daripada hadis di atas bahawa beberapa individu yang berada dalam satu syarikat atau perkumpulan maka dianggap satu, tanpa terpisah antara satu sama lain. Dalam hadis lain:

عَنْ سَمْرَةَ بْنِ جُنْدُبٍ قَالَ أَمَا بَعْدَ فَإِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَأْمُرُنَا  
أَنْ نُخْرِجَ الصَّدَقَةَ مِنَ الَّذِي نَعْدُ لِلْبَيْعِ<sup>46</sup>

Maksudnya:

Daripada Samrah katanya: Sesungguhnya Rasulullah SAW menyuruh kami mengeluarkan zakat daripada hasil jualan.

<sup>44</sup> al-Quran, Surah al-Baqarah, 2:267

<sup>45</sup> Al-Hamidi, Muhammad bin Futuh, *al-Jam' Bain al-Sahihain al-Bukhari Wa Muslim*, Tahqiq, Ali Husin al-Bawwab, Dar Ibnu Hazm, Beirut, Lubnan, 1423H/2002M, jld.1, hlm.21.no. hadis 1382, bab La Yujma' Bain Mutafarriq.

<sup>46</sup> *Sunan Abi Daud*, Bab iza kanat li al-tijarah hal fiha min zakat, no. Hadis: 1562, Isnadnya hasan gharib.

Apabila sebuah syarikat atau firma ditubuhkan dengan akad dan niat untuk menjalankan perniagaan maka syarikat tersebut dikenakan zakat. Syarikat ini tertakluk kepada syarat-syarat zakat perniagaan yang dikenakan kepada orang perseorangan iaitu dengan kadar 2.5%. Bagi syarikat yang membekalkan perkhidmatan seperti syarikat guaman, perhotelan, runding cara dan perubatan, maka syarikat-syarikat tersebut juga dianggap syarikat perniagaan. Menurut pendapat Dr. Yusuf al-Qaradhawi, sekiranya kerajaan telah menubuhkan syarikat dan memberikan modal seterusnya memberinya kuasa untuk menjalankan perniagaan, maka syarikat tersebut wajib membayar zakat.